

| | | | |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Faedah rendah lonjak permintaan rumah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 04 Mar 2021 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 82,252 |
| Page No | 38 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 223 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,384 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,152 |



Faedah rendah lonjak permintaan rumah

Pasaran harta tanah kediaman dijangka akan meningkat tahun ini walaupun situasi pandemik COVID-19 masih mencabar, diiring penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang menjadi rujukan kadar faedah pinjaman tempatan kepada 1.75 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Paramount Corporation Bhd, Jeffrey Chew, berkata berdasarkan situasi semasa tahun ini, permintaan terhadap harta tanah kediaman akan lebih positif berbanding 2019 dan 2020.

"Kadar faedah rendah ini menjadikan faktor utama pembelian harta tanah kediaman tahun ini. Dengan kadar faedah rendah, ia memberi kelebihan kepada pembeli untuk memiliki kediaman sendiri berbanding menyewa.

"Ini menjadikan sasaran pasaran harta tanah lebih positif tahun ini. Malah, ia dijangka lebih baik berbanding 2019 dan 2020.

"OPR diharapkan kekal rendah dalam tempoh yang terdekat bagi memastikan pemulihan pasaran harta tanah dapat dicapai," katanya selepas taklimat media prestasi kewangan kumpulan pada 2020 secara maya, semalam.

Chew berkata, walaupun ada isu lambakan harta tanah tidak terjual, ia hanya satu peratus berbanding keseluruhan jualan harta tanah dan bukan menjadi masalah utama.

"Pemulihan ekonomi negara termasuk pembukaan lebih banyak peluang pekerjaan juga akan menjadi dorongan kepada pasaran harta tanah," katanya.

Berdasarkan data kumpulan pada 2020, katanya, unit kediaman bertanah jadi pilihan utama pembeli dan trend ini akan berterusan tahun ini berbanding unit kediaman bertingkat.

Beliau berkata, antara faktor peningkatan permintaan terha-



Jeffrey Chew

dap unit kediaman bertanah adalah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi merangka pandemik.

"Ketika PKP, pembeli lebih cenderung memiliki kediaman bertanah kerana lebih bebas dan boleh lakukan pelbagai aktiviti.

"Ketika PKP, banyak kemudahan apartmen dan kondominium ditutup sebaliknya kediaman

bertanah bebas dan mengurangkan risiko jangkitan kerana tidak menggunakan satu kemudahan sama seperti lif," katanya.

Chew berkata, jualan harta tanah kumpulan pada 2020 mele过si kadar jualan tahun sebelumnya sebanyak 11 peratus disebabkan penjualan lebih tinggi pada separuh kedua 2020.

Katanya, pelancaran projek baharu yang mendorong penjualan harta tanah kumpulan adalah Sinaran di Utropolis Batu Kawan Pulau Pinang; Cendana di Greenwoods Salak Perdana dan Sejati Lakeside di Cyberjaya.

Cabang harta tanah Paramount pada 2020 memperoleh pendapatan sebanyak RM584.4 juta, lebih rendah berbanding RM700.3 juta pada tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai kumpulan juga susut 47 peratus kepada RM62.6 juta berbanding RM117.4 juta pada 2019.